

ATRA lakar sejarah di Festival Teater MAKUM

SEREMBAN 31 Julai - Akademi Teater Rupawan Asli (ATRA) Urus Setia Kesenian Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar sejarah tersendiri apabila berjaya merangkul tempat ketiga dalam Festival Teater Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) baru-baru ini.

ATRA mempersembahkan karya bertajuk *Preh* yang membawa kisah kehidupan sebuah keluarga di Aceh, Indonesia selepas tsunami.

Pengarahnya, Auni Sujan berkata, *Preh* membawa mesej teladan, konflik cinta, keluarga serta kasih sayang ibu yang merindui

anaknyanya, selain penerapan nilai murni dalam Islam selari dengan imej USIM sendiri.

"Kami amat bersyukur atas kejayaan ini serta mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mementaskan teater *Preh*.

"Saya berharap agar dapat mempersembahkan sesuatu yang lebih baik pada masa akan datang dan berdoa agar kumpulan ini terus cemerlang melakar kejayaan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Produksinya, Tengku Faizah Tengku Yusop berkata, kejayaan tersebut

merupakan berkat doa semua pihak serta kerjasama tinggi dalam kalangan setiap ahli ATRA.

"Kejayaan ini merupakan usaha gigih serta disiplin semua terutamanya pelakon dalam menjalani latihan yang berterusan selama dua bulan," katanya.

Kejayaan ATRA menduduki tempat ketiga dalam festival tersebut membolehkan mereka membawa pulang wang tunai RM1,500 beserta piala dan sijil penyertaan.

Dalam pada itu, ATRA turut memenangi anugerah pelakon pembantu wanita terbaik menerusi lakonan Nurnadhirah Azkah.